

Dos penggalak dimuktamad selepas selesai PICK

Oleh [Luqman Arif Abdul Karim](#) - Ogos 23, 2021 @ 6:12pm

luqman.arif@bh.com.my



Petugas kesihatan memberi suntikan vaksin Prizer-BioNTech di Pusat Pemberian Vaksin Industri Sektor Pengangkutan Pelabuhan Pulau Pinang (PPVIN) di Swettenham Pier Cruise Terminal, Georgetown bagi ahli keluarga kakitangan Penang Port Sdn Bhd sahaja pada program Pemberian Vaksin Percuma. - Foto MIKAIL ONG

KUALA LUMPUR: Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir berkata perbincangan mengenai keperluan memberikan suntikan dos ketiga atau dos penggalak vaksin COVID-19 belum dimuktamadkan.

Ketika menjelaskan perkembangan itu berkata, keutamaan kerajaan kini terarah kepada matlamat meningkatkan kadar inokulasi menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Katanya, ini kerana Sabah, Kedah dan Kelantan setakat ini masih merekodkan liputan vaksin yang rendah, berbanding negeri lain.

"Justeru, kita kena pastikan vaksinasi di negeri berkenaan mencapai tahap liputan dos kedua secepat mungkin.

"Kita nak habiskan dulu vaksinasi, sebelum putuskan mengenai keperluan pemberian dos penggalak atau dos ketiga.

"Tetapi, memang kita bincang pasal dos penggalak, cuma tumpuan sekarang ialah untuk selesaikan dulu vaksinasi kepada rakyat," katanya kepada BH, hari ini.

Berdasarkan perangkaan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin (JKJAV) setakat semalam, Sabah mencatatkan kadar liputan dos vaksin lengkap dalam kalangan individu dewasa paling rendah, iaitu 30.1 peratus, manakala bagi populasi keseluruhan di negeri terbabit ialah 21.3 peratus.

Liputan dos vaksin lengkap dalam kalangan individu dewasa untuk Kedah, Kelantan pula masing-masing menduduki tangga kedua dan ketiga terakhir, dengan 36 serta 37.4 peratus.

Siti Hamisah berkata, keutamaan pemberian vaksin bagi penduduk di Kedah juga menjadi agenda penting kerajaan ketika ini, susulan insiden kepala air yang berlaku di Yan dan kawasan di sekitar kaki Gunung Jerai, minggu lalu.

"Ada juga kawasan di Kedah yang dinaiki air, berikutan ketibaan monsun," katanya.

Ditanya sama ada rakyat perlu menanggung kos bagi mendapatkan suntikan dos penggalak, Siti Hamisah berkata, perbincangan di peringkat JKJAV belum meneliti berhubung perkara terbabit.